



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwpkb.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

KARNIVAL MAKANAN WARISAN 1MALAYSIA MEMARTABATKAN MAKANAN WARISAN MASYARAKAT MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 31 Ogos 2013 – YB Dato' Dr. Loga Bala Mohan, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan hari ini menyempurnakan pelancaran **Karnival Makanan Warisan 1Malaysia** anjuran Persatuan Penjaja Dan Pekedai Bumiputra Wilayah Persekutuan (PPPBWP) bersama-sama Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Karnival ini turut melibatkan penyertaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), semua Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri-Negeri serta Jabatan dan Agensi di Wilayah Persekutuan.

2. Karnival yang berlangsung dari **30 Ogos 2013 hingga 1 September 2013** bertempat di **Jalan Masjid India, Kuala Lumpur** ini melibatkan penyertaan 200 gerai penjaja dan peniaga kecil dari seluruh Malaysia bermula dari jam **9.00 pagi sehingga 10.00 malam**. Karnival ini diadakan bersempena dengan sambutan Hari Kebangsaan 2013 yang bertemakan "**Warisan Makanan Asas Transformasi Makanan Masa Depan**".

3. Penganjuran Karnival Makanan Warisan 1Malaysia ini diharapkan dapat memberikan impak besar kepada sektor penjaja dan peniaga kecil di Wilayah Persekutuan dengan kehadiran pengunjung-pengunjung tempatan dan luar negara seterusnya membantu hasrat Kerajaan dalam mewujudkan sebuah masyarakat peniaga yang mantap dari segi pembangunan ekonomi.

Disediakan oleh:

**Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan
31 Ogos 2013
Kuala Lumpur**